

## **Jumlah Pelancong Asing Ke Malaysia Naik 1.2 Peratus Bagi Lima Bulan Pertama 2012**

**Bernama**

**09 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia meningkat 1.2 peratus kepada 9.45 juta orang bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berbanding 9.32 juta orang bagi tempoh yang sama tahun lepas, kata Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Beliau berkata 73.4 peratus daripada keseluruhan jumlah pelancong adalah dari negara Asean iaitu Filipina (41.7 peratus), Vietnam (35.2 peratus), Laos (19.9 peratus), Indonesia (19.3 peratus) dan Myanmar (6.9 peratus).

Negara lain termasuklah Arab Saudi (50.7 peratus), China (34.1 peratus), Jepun (30.6 peratus), Rusia (25.8 peratus), Kazakhstan (25.2 peratus), Denmark (14.4 peratus) dan India (7.8 peratus), katanya pada sidang akhbar di sini Isnin.

Beliau berkata kedatangan pelancong bagi tempoh itu menyumbang RM21.8 bilion kepada pendapatan negara tahun ini berbanding RM21.4 bilion pada tahun lepas.

Dr Ng berkata pelbagai pendekatan dilakukan untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong asing, antaranya pengenalan 'Tourist Privilege Card' yang menawarkan diskaun lima hingga 20 peratus di pusat beli-belah di Bukit Bintang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679130>